

# Pelajar disyaki kena virus kencing tikus meninggal

BH 30.10.2014 12

**Labuan:** Seorang pelajar perempuan Kolej Matrikulasi Labuan (KML) yang disyaki terkena jangkitan kencing tikus atau *Leptospirosis* meninggal dunia, Isnin lalu.

Mangsa berusia 18 tahun dan berasal dari Bintulu, Sarawak itu dimasukkan ke Hospital Labuan selepas mengalami simptom demam panas, sakit perut, muntah dan cirit-birit pada 23 Oktober lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan, Dr Ismail Ali, berkata

mangsa turut menjalani pembedahan selepas dikesan menghidap apendiks.

“Kesihatannya memuaskan selepas pembedahan tetapi kembali kritikal tidak lama selepas itu sebelum disahkan meninggal dunia pada 27 Oktober.

## Kes masih disiasat

“Kita mengesyaki mangsa terkena jangkitan kencing tikus berdasarkan ujian saringan awal,” katanya dalam kenya-

taan di sini, semalam.

Dr Ismail berkata, kes berkenaan masih disiasat manakala hospital turut menjalankan ujian lanjut.

Katanya, Jabatan Kesihatan Labuan turut melakukan pemeriksaan lanjut di KML bagi mendapatkan maklumat mengenai tempat tinggal mangsa dan persekitarannya.

“Orang ramai tidak perlu panik dan langkah kawalan sewajarnya sudah diambil,” katanya.



**“  
Kami mengesyaki mangsa terkena jangkitan kencing tikus”**

**Dr Ismail Ali,**  
Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan